Insurans perjalanan pastikan pengembaraan lancar

Norfaezah Mohd Shahren, Pensyarah Kanan, UITM Melaka

Sebanyak 2.3 juta pasport antarabangsa sudah dikeluarkan Jabatan Imigresen sehingga April lalu yang menjelaskan keterujaan sebahagian masyarakat kita meneroka du-Kanan, nia. Hal ini tentulah baik seperti mana disebut pepatah Melayu, jauh berjalan luas pandangan.

Bagaimanapun dalam keterujaan untuk melancong, kita perlulah memikir keperluan asas yang paling utama, iaitu insurans perjalanan. Ia adalah sebagai langkah berjaga-jaga jika berlaku kes di luar jangkaan. Ia mungkin sahaja kemalangan, kecurian, bencana alam atau mungkin keganasan akibat politik misalnya demonstrasi atau rampasan kuasa yang pernah berlaku di Turkiye tidak lama dulu, malah mungkin juga kehilangan pasport.

Justeru, selain menyiapkan bagasi, ia juga adalah antara hal utama kerana polisi insurans umumnya direka khas untuk melindungi pelancong semasa perjalanan mereka.

Dalam kebanyakan kes, insurans perjalanan turut melindungi kesihatan anda ketika melancong ke luar negara sama ada kecederaan atau masalah kesihatan kritikal.

Sebelum ini, kita sudah kerap mendengar mengenai kisah rakyat Malaysia yang mendapat rawatan di luar negara ketika melancong. Hal ini sesuatu yang di luar jangkaan, namun tidak salah untuk kita bersiap sedia. Umumnya insurans perjalanan amat membantu kita mendapatkan rawatan perubatan yang diperlukan tanpa perlu risau mengenai kos.

Teliti polisi, syarat perlindungan

Terdapat juga polisi memberikan pampasan jika anda membatalkan perjalanan akibat faktor tertentu misalnya kecederaan, penyakit atau masalah keluarga. Malah ada polisi yang akan membantu anda mendapatkan kembali sebahagian atau keseluruhan kos perjalanan yang sudah dibayar.

Šelain itu, jika sekiranya anda terbabit dalam insiden hingga menyebabkan kecederaan kepada orang lain atau kerosakan harta benda, insurans perjalanan dapat membantu melindungi anda daripada tuntutan undang-undang yang mungkin timbul.

Ringkasnya, mengambil insurans perjalanan sebelum kembara bermula membantu anda berasa tenteram. Ia boleh diibaratkan sebagai menyediakan payung sebelum hujan.

Namun, ada pelbagai jenis insurans perjalanan

yang ditawarkan dalam pasaran dengan setiap satunya berbeza-beza berdasarkan syarat dan harganya.

Jika anda merancang untuk mendapatkannya amat baik untuk mengambil masa bagi meneliti setiap satu syarat-syaratnya sebelum membuat pembelian dan memilih pilihan yang paling sesuai dengan keperluan perjalanan anda. Namun, paling penting pastikan anda memilih polisi insurans yang mampu melindungi apa diinginkan.

MALAYSI

Disclaimer: Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM

This material may be protected under Malaysia Copyright Act which governs the making of photocopies, reproductions or copyrighted materials. You may use the digitized materials for study or research.

Copyright © BH, New Straits Times Press (M) Bhd. A part of Media Prima Group. All Rights Reserved Source: https://www.facebook.com/photo/?fbid=813604474098779&set=a.266989952093570